


## VARIA



PARA pelajar seharusnya peka dengan perubahan kebolehpasaran graduan terkini agar menjadi rebutan majikan. – Gambar hiasan



KEMAHIRAN yang diperlukan oleh majikan pada hari ini ialah berkomunikasi, kepimpinan, kerja berkumpulan, penyelesaian masalah dan keusahawanan. – Gambar hiasan

# Formula kebolehpasaran graduan masa kini

**Sudut Pandang**  
 Oleh PROF. DATUK DR. MOHAMMAD SHATAR SABRAN  
 Pakar Sosial dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia



**S**ALAH satu daripada agenda utama setiap graduan yang keluar dari universiti awam mahupun swasta ialah mendapatkan pekerjaan yang setimpal dan berkaitan dengan apa yang telah dipelajari.

Harapan dan cita-cita ini turut dikongsi bersama oleh setiap ibu bapa yang inginkan anak mereka memperoleh pekerjaan apabila tamat belajar.

Bagaimanapun, isu berkaitan kebolehpasaran dalam kalangan graduan menjadi topik yang sensasi sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Senario ini berlaku kerana kriteria untuk mendapatkan pekerjaan sudah berubah. Formula lama yang digunakan untuk mendapatkan pekerjaan sudah tidak relevan lagi pada masa kini dan mungkin masa akan datang.

Malangnya, ramai pelajar di universiti masih belum arif atau mengetahui formula terkini untuk mendapatkan pekerjaan.

Masih ramai dalam kalangan graduan yang terikat dengan formula lama. Justeru, peratusan graduan yang gagal mendapatkan pekerjaan semakin tinggi.

Para pelajar seharusnya peka

Masa	Formula
Sebelum 1970-an	Kelayakan Akademik = Pekerjaan
1980-an hingga 1990-an	Kelayakan akademik yang baik (PNGK 3.0 dan ke atas) = Pekerjaan
1990-an hingga sekarang	Kelayakan Akademik yang baik + Kemahiran Insaniah (softskills) = Pekerjaan

*\*Jadual menunjukkan perubahan yang jelas mengenai formula kebolehpasaran graduan.*

dengan perubahan kebolehpasaran graduan yang berlaku agar mereka sentiasa menjadi rebutan majikan.

Terdapat perubahan yang ketara pada kriteria yang dinilai oleh majikan untuk memilih pekerja baharu mereka. Berdasarkan pada Jadual 1 di atas, terdapat tiga perbezaan yang jelas terhadap formula yang digunakan oleh majikan untuk mendapatkan pekerja baharu.

Semasa era sebelum 1970-an, majikan ketika itu hanya memerlukan sijil akademik sebagai syarat untuk membolehkan seseorang itu mendapatkan pekerjaan di syarikat mereka.

Justeru, sesiapa sahaja yang mempunyai sijil akademik seperti Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Diploma dan Ijazah pasti tidak menghadapi sebarang masalah untuk mendapatkan pekerjaan.

Bagaimanapun, formula itu berubah selepas tahun 1980 sehinggalah ke 1990-an.

Semasa era ini, majikan hanya

akan memilih mereka yang mempunyai keputusan dan prestasi akademik yang terbaik.

Di universiti, prestasi akademik akan dinilai berdasarkan kepada Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Graduan yang berjaya mencapai PNGK 3.0 dan ke atas dianggap sebagai graduan yang

berjaya mempamerkan prestasi akademik yang baik.

### Komponen penting

Pada era ini, graduan yang memiliki PNGK 3.0 dan ke atas tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan. Namun, keadaan sedemikian hanya diguna pakai oleh majikan sehingga akhir 1990.

Mulai 2000, majikan menjadikan dua komponen utama sebagai syarat untuk seseorang graduan diterima bekerja.

Komponen itu ialah prestasi akademik yang baik dan mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi.

Apa yang diinginkan oleh majikan masa kini ialah graduan bukan sahaja hebat di atas kertas tetapi mampu menterjemah kehebatan itu dalam aktiviti ataupun pekerjaan mereka.

Antara kemahiran yang diperlukan oleh majikan pada

hari ini ialah berkomunikasi, kepimpinan, kerja berkumpulan, penyelesaian masalah dan keusahawanan.

Graduan yang tidak memiliki kemahiran insaniah pasti akan menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan walaupun prestasi akademik mereka cemerlang.

Pepatah dan kepercayaan bahawa ulat buku akan berjaya dalam hidup sudah tidak boleh diaplikasikan lagi ketika ini kerana untuk berjaya dalam kerjaya dan masa depan, setiap graduan perlu memiliki kehebatan dalam dua komponen itu.

Justeru, setiap graduan perlulah memastikan mereka memiliki kedua-dua komponen itu sebelum tamat belajar.

Prestasi cemerlang dalam bidang akademik boleh diperoleh melalui aktiviti kuliah dan pembelajaran yang dianjurkan pihak fakulti.

Peningkatan dalam kemahiran insaniah pula boleh diperoleh melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum yang dianjurkan pihak fakulti, kolej kediaman, universiti, masyarakat ataupun negara.

Pelajar yang mampu untuk melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti-aktiviti itu dan berjaya mempamerkan pencapaian yang cemerlang akan menjadi idaman setiap majikan daripada dalam ataupun luar negara apabila mereka tamat belajar kelak.